



## Dasar kerajaan baharu terhadap subsidi pengaruhi inflasi tahun depan

Mahanum Abdul - Disember 1, 2022 @ 2:17pm

KUALA LUMPUR: Pergerakan harga barangan dan perkhidmatan atau kadar inflasi tahun hadapan antara lain dijangka akan dipengaruhi oleh dasar kerajaan baharu terhadap subsidi, demikian kata penganalisis.

Antara isu yang diberi keutamaan oleh Perdana Menteri ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas dilantik ialah menangani isu kos sara hidup, yang mana mesyuarat telah diadakan dengan jabatan dan agensi berkaitan pada hujung minggu lalu mengenai isu berkenaan.

Penganalisis Maybank IBG Research, Dr Zamros Dzulkaflī, berkata pihaknya telah mengekalkan unjuran inflasi 3.3 peratus tahun ini.

Beliau berkata, pihaknya telah membuat semakan semula unjuran inflasi bagi 2023 kepada 3.0 peratus berbanding unjuran 4.0 peratus sebelum ini.

Katanya, unjuran inflasi 2023 sebelum ini mengambil kira andaian pelarasan secara beransur-ansur dalam harga bahan api dan tarif elektrik terhadap kajian semula subsidi pada 2023.

"Kami membuat semakan semula unjuran inflasi 2023 menurun kepada +3.0 peratus daripada +4.0 peratus sebelumnya, sementara menunggu penjelasan mengenai dasar kerajaan baharu mengenai subsidi.

"Sementara itu, kami terus menjangka satu lagi kenaikan +25 mata asas dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) yang diadakan pada 18 hingga 19 Januari 2023 ke paras pra-COVID-19 sebanyak 3.00 peratus," katanya dalam nota penyelidikannya.

Kadar inflasi keseluruhan menyusut lagi kepada +4.0 peratus pada Oktober 2022 berbanding +4.5 peratus pada September 2022, terutamanya berikutan kenaikan yang lebih perlahan dalam harga perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain.

Sementara itu, inflasi makanan dan minuman bukan alkohol kekal utuh dengan bahan makanan seperti tepung dan bijirin lain; susu sejat/susu pekat dan mentega, lemak dan minyak haiwan mencatatkan inflasi dua angka pada bulan itu.

Inflasi pengangkutan adalah stabil pada +5.2 peratus pada Oktober 2022.

Indeks Harga Pengguna (IHP) teras kukuh pada +4.1 peratus di tengah-tengah peningkatan mendadak perbelanjaan dan kesan permintaan perkhidmatan pembukaan ekonomi seperti restoran dan hotel; perkhidmatan rekreasi dan budaya; perabot, peralatan isi rumah dan penyelenggaraan rutin isi rumah.